

NO SOALAN : 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID  
BIN HAMIDI  
[ BAGAN DATUK ]**

**SOALAN NO. 65**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status lambakan rumah lot Bumiputera yang tidak terjual di setiap negeri dan adakah terdapat sebarang pola penurunan harga hartanah di Malaysia sehingga suku kedua tahun 2019.

**NO SOALAN : 65****JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, maklumat lambakan rumah lot Bumiputera yang tidak terjual dan pola penurunan harga hartanah di Malaysia bagi suku tahun kedua 2019 masih dalam proses pengemaskinian oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC). Walau bagaimanapun berdasarkan status sehingga 31 Mac 2019, terdapat sebanyak **32,936 unit rumah yang siap dibina tidak terjual dilaporkan di seluruh negara termasuk lot Bumiputera** adalah seperti berikut:-

<b>Negeri</b>	<b>Bilangan Unit Rumah Dilancar</b>	<b>Bilangan Unit Siap Tidak Terjual</b>	<b>Nilai Unit Tidak Terjual (RM Juta)</b>
Johor	25,048	6,057	4,700.39
Kedah	7,079	3,418	936.9
Kelantan	412	257	118.48
Melaka	3,610	875	305.42
Negeri Sembilan	3,981	1,040	622.62
Pahang	4,538	1,286	462.55
Perak	13,011	5,890	1,732.86
Perlis	174	57	17.57
Pulau Pinang	16,022	3,911	3,312.90
Sabah	4,144	817	483.79
Sarawak	4,134	1,473	610.22
Selangor	23,186	4,785	3,971.49
Terengganu	834	462	152.39
WP Labuan	0	0	0
WP Kuala Lumpur	14136	2,608	2,536.62
WP Putrajaya	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>120,309</b>	<b>32,936</b>	<b>19,964.20</b>

**NO SOALAN : 65**

2. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tiada maklumat yang komprehensif mengenai statistik lot Bumiputera yang telah dijual dan masih kosong. Justeru melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian sedang membangunkan sistem pengumpulan maklumat Bumiputera iaitu *Housing Integrated Management System* (HIMS) bagi mengkoordinasikan maklumat perumahan secara menyeluruh.
  
3. Untuk makluman Yang Berhormat, maklumat daripada NAPIC juga menunjukkan median harga rumah pada suku pertama 2019 adalah RM268,000.00 berbanding RM296,944.00 yang dicatatkan pada tahun 2018. Namun begitu, berdasarkan indeks harga rumah, didapati terdapat peningkatan harga rumah sebanyak 1.3% pada suku pertama 2019 berbanding suku pertama 2018. Peningkatan ini adalah rendah jika dibandingkan dengan peningkatan sebanyak 4.3% indeks harga rumah pada suku pertama 2018 berbanding suku pertama tahun 2017.

Sekian, terima kasih.